

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2021)**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN NIK MOHD ABDUH BIN NIK ABDUL AZIZ [BACHOK]**

**TARIKH : 12 OKTOBER 2021 [SELASA]**

**SOALAN**

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status elemen-elemen utama yang menjadi penumpuan dalam penggubalan Akta Kawalan dan Sekatan Pengembangan Doktrin atau Kepercayaan Agama dalam kalangan orang Islam.

**JAWAPAN**

**YB SENATOR TUAN HAJI IDRIS BIN HAJI AHMAD,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (HAL EHWAL AGAMA)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Fasal (1) Perkara 11 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa tiap-tiap orang berhak menganuti dan mengamalkan agamanya dan, tertakluk kepada Fasal (4), mengembangkannya. Fasal (4) Perkara 11 Perlembagaan Persekutuan selanjutnya pula, antara lainnya, memperuntukkan bahawa undang-undang persekutuan boleh mengawal atau menyekat pengembangan apa-apa doktrin atau kepercayaan agama dalam kalangan orang yang menganut agama Islam.

2. Bagi tujuan mengawal atau menyekat pengembangan apa-apa doktrin atau kepercayaan agama dalam kalangan orang yang menganut agama Islam seperti yang diperuntukkan di bawah Fasal (4) Perkara 11 Perlembagaan Persekutuan, Kerajaan berhasrat untuk menggubal Rang Undang-Undang Kawalan dan Sekatan Pengembangan Doktrin atau Kepercayaan Agama (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 2021 (“RUU Kawalan”). RUU Kawalan ini bukan bertujuan untuk menyekat kebebasan beragama di kalangan penganut selain penganut beragama Islam. Hak orang bukan Islam untuk menganut dan mengamalkan agamanya adalah dijamin di bawah Fasal (1) Perkara 11 Perlembagaan Persekutuan. Sebaliknya, RUU Kawalan ini adalah bertujuan untuk menyekat pengembangan apa-apa doktrin atau kepercayaan agama dalam kalangan orang yang menganut agama Islam. Dalam hal ini, undang-undang seumpama ini bukan merupakan undang-undang baharu. Sebaliknya ia telah wujud di kebanyakan negeri.

3. Bagi memastikan RUU Kawalan yang digubal tersebut selari dan selaras dengan punca kuasa yang telah ditetapkan dalam Perlembagaan Persekutuan dan seterusnya dapat dikuatkuasakan dengan berkesan, antara elemen-elemen utama yang perlu diambil kira ialah seperti yang berikut:

- (i) kebebasan untuk menganuti dan mengamalkan agama yang diperuntukkan di bawah Fasal (1) Perkara 11 Perlembagaan Persekutuan;
- (ii) skop kuasa yang diperuntukkan di bawah Fasal (4) Perkara 11 Perlembagaan Persekutuan;
- (iii) perbuatan “pengembangan” yang dikategorikan sebagai kesalahan berkaitan mengembangkan apa-apa doktrin atau kepercayaan agama di kalangan orang yang menganuti agama Islam perlu dinyatakan secara jelas bagi memastikan ia selaras dengan Fasal (4) Perkara 11 Perlembagaan Persekutuan. Selain itu, ia juga bertujuan memastikan tidak timbul pertikaian oleh pihak-pihak tertentu apabila RUU Kawalan tersebut dikuatkuasakan kelak;

- (iv) pihak yang bertanggungjawab untuk menguatkuasakan peruntukan dalam RUU Kawalan tersebut juga perlu diteliti memandangkan kesalahan-kesalahan yang diperuntukkan di bawah RUU Kawalan tersebut tidak terhad kepada kesalahan yang dilakukan oleh orang Islam semata-mata; dan
  - (v) penentuan kadar hukuman bagi kesalahan yang diperuntukkan dalam RUU Kawalan juga perlu diteliti bagi memastikan ia setimpal dengan kesalahan yang dilakukan.
4. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sepanjang tahun 2020 dan 2021 Kerajaan melalui Jawatankuasa Teknikal Undang-Undang Syarak dan Sivil (“Jawatankuasa Teknikal”) yang ditubuhkan oleh Majlis Raja-Raja di bawah Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam (MKI) telah mengadakan beberapa siri mesyuarat bagi membincangkan RUU Kawalan. Selain itu, Jawatankuasa Teknikal turut menubuhkan sebuah jawatankuasa kecil khusus bagi meneliti secara lebih mendalam RUU Kawalan tersebut dan seterusnya mencadangkan penambahbaikan terhadap RUU Kawalan tersebut bagi memastikan ia selaras dengan Perlembagaan Persekutuan.
5. Setelah RUU Kawalan dimuktamadkan kelak, RUU Kawalan tersebut akan dibentangkan kepada negeri-negeri dalam Persidangan Penyelarasan Undang-Undang Syarak dan Sivil.

Sekian, terima kasih.